

MAHATHIR-PAMERAN

1982

KUALA LUMPUR, 31 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI USAHA-USAHA PERLU DIPERTINGKATKAN BAGI MEMUPUK KESEDARAN DAN MEMBANGKITKAN SEMANGAT RAKYAT SUPAYA KASIHKAN NEGARA.

PERDANA MENTERI KHUATIR JIKA SEMANGAT CINTAKAN NEGERA TIDAK SENTIASA DIPUPUK, RAKYAT AKAN MENJADI BEGITU LEMAH HINGGA MUNGKIN MENJADI BANGSA YANG DIKUASAI OLEH KEPENTINGAN PERIBADI SEMATA-MATA YANG PASTI MEMBAWA KEHANCURAN NEGARA.

BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN +MALAYSIA KESAYANGANKU+ DI MUZIUM NEGARA BELIAU MENINGATKAN BAHAWA SEJARAH SERTA PERISTIWA SEMASA TELAH JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA APABILA RAKYAT SESEBUAH NEGARA LEBIH MEMENTINGKAN DIRI DARIPADA MASYARAKAT DAN NEGARA, NEGARA ITU AKAN MENIMPA KELEMAHAN.

+SEBALIKNYA APABILA RAKYAT MENGUTAMAKAN NEGARA, BUKAN SAJA NEGARA ITU MENJADI MAKMUR MALAH RAKYATNYA JUGA AKAN BAHAGIA,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MALAYSIA TELAH DAPAT DI-BEBASKAN KERANA SEMANGAT +CINTAKAN NEGARA.+ -- BERSAMSUNG

1915/SZ

B674

MAHATHIR-PAMERAN 2 KUALA LUMPUR

98

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT PEMBANGUNAN YANG PESAT TIDAK MEMBERI APA-APA MAKNA SEKIRANYA RAKYAT MISKIN DAN TANDUS DARI SEGI SEMANGAT DAN RASA KASIHKAN TANAHAIR.

+KASIHKAN TANAHAIR ADALAH SATU ASPEK DARI PERKEMBANGAN ROHANI DAN SATU DIMENSI YANG TERMESTI DALAM PEMBANGUNAN MEMANDANGKAN KASIHKAN TANAHAIR ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN.+

BELIAU MENGAJAK RAKYAT NEGARA INI SUPAYA BERSYUKUR KERANA MALAYSIA DILIMPAHI DENGAN RAHMAT, NIKMAT DAN REZEKI YANG TIDAK ADA BANDING-NYA.

KATANYA, SUNGGUH RUGI SEKIRANYA ADA ANTARA PENDUDUK TIDAK MAHU ATAU TIDAK TAHU MENSYUKURI NIKMAT ITU DAN SEBALIKNYA BERUSAHA MEMBURUKKAN NEGARA SENDIRI DAN MEROBOHKAN PERADABAN YANG TELAH DIBINA SEKIAN LAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KESYUKURAN RAKYAT KERANA DAPAT BERTEDUH DAN Mencari REZEKI DI NEGARA INI MESTILAH DITUNJUKKAN

+DENGAN MENGGUNAKAN HADIAH YANG DITERIMA DENGAN CARA YANG MEMBAWA KEBAGHIAAN+ KEPADA DIRINYA. -- BERSAMBUNG 1930/SZ

B682:

MAHATHIR-PAMERAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KESYUKURAN RAKYAT KERANA KEMERDEKAAN TANAHAIR PERLU DIBUKTIKAN DENGAN BERUSAHA UNTUK MENJADIKAN NEGARA KUAT DAN KUKUH YANG DIHORMATI OLEH ORANG LAIN DAN KEKAL DALAM KEADAAN BAIK.

+UNTUK INI KITA PERLU BERUSAHA, BEKERJA, MENINGKATKAN LAGI KEUPAYAAN KITA, BUKAN KERANA KEPENTINGAN DIRI TETAPI UNTUK MENJADIKAN NEGARA YANG DIKURNIAKAN KEPADA KITA TIDAK ROSAK DAN HANCUR LEBUR+.

BELIAU MENGULANGI KESANGGUPAN BEKERJA DAN BELAJAR DENGAN TERTIB DAN TEKUN BUKAN SAHAJA AKAN MEMANFAATKAN NEGARA TETAPI DIRI SENDIRI JUGA AKAN MENDAPAT KEBAGIAAN.

UNTUK MENJADINMASYARAKAT BAHAGIA, RAKYAT PERLU MEMILIKI NILAI-NILAI KEMASYARAKATAN YANG TINGGI BERLANDASKAN RUKUNEGARA-LIMA ASAS FALSAFAH NEGARA INI TEGASNYA.

BELIAU BERPENDAPAT RUKUNEGARA TIDAK BERTENTANGAN DENGAN SEBARANG AGAMA YANG DIANUTI MALAH JIKA BERPEGANG TEGUH KEPADANYA NEGARA AKAN MENJADI STABIL DARI SEGI POLITIK DAN PESAT MEMBANGUN DARI SEGI EKONOMI TANPA MENJADI TERLALU MATERIALISTIK. --BERSAMBUNG

B683:

MAHATHIR-PAMERAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SEMUA RAKYAT AKAN MENYAALURKAN PERASAAN CINTA DAN KASIHKAN TANAH AIR UNTUK MEMBINA NEGARA DENGAN ASAS-ASAS PERPADUAN, KESTABILAN DAN KEHARMONIAN.

KATANYA SUNGGUHPUN ADA YANG BERPENDAPAT BAHAWA NATIONALISME TIDAK PENTING, TETAPI BELUM ADA SEBUAH NEGARA PUN YANG MENCAPAI KEMERDEKAAN TANPA NASIONALISME.

+MEMANG ADA ORANG YANG BERSIMPATI DARI JAUH TETAPI MINAT MEREKA TIDAK TERMASUK USAHA UNTUK MEMEBBASKAN NEGARA ATAU BANGSA LAIN DAN JIKA BERMINAT, MEREKA TIDAK MAMPU.+

AKHIRNYA YANG MESTI MENGGADAI NYAWA DAN HARTA BENDA IALAH PENDUDUK NEGARA BERKENAAN SEPERTI YANG DAPAT DILIHAT DI AFGHANISTAN HARI INI.

+SEMENTARA RAMAI YANG BERSIMPATI, SEMUA ORANG AFGHANISTAN SAHAJA YANG BERKORBAN UNTUK MEREbut BALIK NEGARA MEREKA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MELAWAT PAMERAN ITU YANG MEMPAMERKAN KEJAYAAN NEGARA YANG MENJANGKAU USIA KEMERDEKAAN 25 TAHUN. PAMERAN ITU AKAN DIBUKA SELAMA SEBULAN.

-- BERNAMA 2004/AZ